

Kekecewaan Zulhafiz dua tahun lalu terubat

KEKECEWAAN dua tahun lalu menjadi pembakar semangat kepada atlet berbasikal Terengganu, Mohd. Zulhafiz Saipuddin (**gambar**) untuk merangkul pingat emas acara merentas desa 36 kilometer (km) lelaki pada temasya Sukan Malaysia (Sukma) Perlis.



Sebelum ini, pelumba kelahiran Dungun itu sekadar meraih pingat gangsa pada temasya terdahulu, Sukma Pahang edisi 2012.

Justeru, keazaman itu secara tidak langsung menyuntik semangat Zulhafiz yang melakukan henjutan deras sejak pusingan pertama hingga garisan penamat bagi meraih pingat emas dengan catatan masa satu jam 20 minit 11 saat.

Zulhafiz yang tidak dapat menahan kegembiraannya mendedikasikan kejayaan tersebut kepada ibu bapanya, rakan-rakan serta jurulatihnya, Mohd. Ali Syukri sejurus tiba di garisan penamat litar Pauh Putra, Ulu Pauh, Perlis semalam.

"Saya sangat bangga dengan kejayaan ini kerana saya berjaya merampas pingat emas yang terlepas dua tahun lalu.

"Saya hadiahkan kemenangan ini kepada semua rakan-rakan, jurulatih dan tidak lupa juga kepada ibu dan ayah saya yang datang dari jauh untuk memberikan semangat kepada saya," katanya kepada pemberita semalam.

Atlet berusia 20 tahun itu turut mengakui litar perlumbaan itu sangat mencabar, namun berbekalkan perediaan dan latihan di Bandung, Indonesia membolehkannya mencapai kejayaan tersebut.

"Saya memang sasar pingat emas kali ini sebab itu bermula di pusingan awal lagi saya terpaksa menjarakkan diri daripada beberapa pencabar terdekat saya seperti pelumba Selangor, Sabah dan Sarawak.

"Saya menjalani latihan selama sebulan di Bandung. Malah saya datang ke sini empat hari lebih awal bagi menyesuaikan diri dengan keadaan litar dan cuaca panas.

"Susah nak menang sebenarnya kerana litar ini sangat mencabar. Kalau tahap mental tidak kuat memang susah untuk menang. Sebab itu saya terpaksa pecut supaya pelumba lain tidak dapat mendekati saya," jelasnya.

Pingat perak pula menjadi milik pelumba Sabah, Alvin Leong Vui Chung dengan merekodkan masa 1:20:11s manakala Garry Tay Yuan Swee dari Sarawak meraih pingat gangsa (1:25:22s).